



**JABATAN KETUA MENTERI**  
(UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA & INOVASI)  
TINGKAT 12 & 5, WISMA BAPA MALAYSIA  
PETRAJAYA  
93502 KUCHING, SARAWAK

Telefon Am : 082 - 441957  
Faks : 082 - 447298  
082 - 446736

Ruj. Kami : 3/HRDQ/SPAK/PEKELILING Vol. 2  
Tarikh : 5 November 2010

**SURAT PEKELILING**  
(Inovasi Bil. 1/2010)

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak  
KEPADA: Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri

Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri

Semua Setiausaha Majlis Bandaraya/Perbandaran/Daerah

Semua Residen dan Pegawai Daerah

YBhg. Datuk/Datu/Datin/Tuan/Puan,

**PERKARA : PENUBUHAN UNIT INOVASI DI PERINGKAT ORGANISASI**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah berkenaan dan dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah menetapkan bahawa agenda Transformasi Negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti. Semasa pelancaran Program Malaysia Inovatif 2010 pada 27 Januari 2010, YAB Perdana Menteri telah menyarankan mulai tahun 2010, semua agensi kerajaan dikehendaki supaya **menubuhkan satu UNIT INOVASI di peringkat organisasi masing-masing.**

3. Sehubungan itu, semua agensi Kerajaan Negeri/Badan-Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan/Pejabat Residen serta Pejabat Daerah diarahkan supaya **menukar atau menamakan unit atau fungsi kualiti yang ada sekarang di agensi/jabatan masing-masing kepada Unit Inovasi berkuatkuasa 11 November 2010.**


Perubahan nama Unit ini adalah bertujuan bagi membolehkan program-program peningkatan inovasi dan kreativiti yang digubal dilaksanakan secara terancang, sistematik dan berkesan. Sayugia dimaklumkan bahawa perubahan kepada nama Unit Inovasi ini hendaklah dilaksanakan **tanpa melibatkan sebarang pertambahan jawatan** iaitu dengan mengembleng sumber sedia ada yang telah digunakan selama ini. Selain itu, **Hari Kualiti** yang disambut oleh Perkhidmatan Awam sebagai tanda simbolik pada 31 Oktober setiap tahun **diganti dengan sambutan Hari Inovasi** bagi menandakan kepentingan budaya inovasi dan kreativiti serta meraikan keberhasilan inovasi di agensi-agensi kerajaan.

4. Semua program serta inisiatif pembudayaan inovasi dalam Perkhidmatan Negeri Sarawak akan diselaras dan dipantau oleh Jabatan Ketua Menteri menerusi di Unit Pembangunan Sumber Manusia dan Kualiti (HRDQ), Seksyen Transformasi dan Inovasi yang juga berperanan sebagai Sekretariat Negeri.

Sekian, terima kasih.

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**

**"AN HONOUR TO SERVE"**



**(DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI ABDUL GHANI)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak